

Mahkamah lihat video kes sembur Dr. M

KOTA BHARU 10 Mei - Mahkamah Majistret di sini hari ini melihat tayangan video yang dikatakan merakamkan tangan seseorang yang sedang menyembur sesuatu yang mengeluarkan asap yang kemudiannya dikenal pasti sebagai tangan tertuduh, Datuk Nik Sapeia Nik Yusof, 53, dalam kejadian yang berlaku di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, 28 Julai lalu.

Tayangan rakaman video tersebut selama 33 minit yang dibuat pada prosiding sebelah pagi ini bagaimanapun dilakukan secara tertutup dengan hanya membenarkan ahli keluarga terdekat memasuki mahkamah selain pihak-pihak yang berkenaan dalam kes tersebut.

Video berkenaan yang dirakamkan oleh saksi pendakwa ke-11, anggota Polis Cawangan Khas Bukit Aman, Lans Koperal Rmozi Mat Nayan itu ditayangkan dari dua buah peti televisyen yang ditempatkan dalam ruang mahkamah.

Turut berada dalam mahkamah menyaksikan tayangan tersebut ialah

beberapa orang saksi yang dipanggil sebelum ini untuk tujuan pengecaman identiti.

Nik Sapeia yang juga seorang ahli politik didakwa mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum penjara maksimum tiga tahun atau denda atau sebat atau mana-mana dua daripada hukuman itu jika sabit kesalahan.

Beliau dituduh menyebabkan kecederaan secara menyembur bahan berbahaya ke atas bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan tiga yang lain termasuk bekas Ahli Parlimen Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali.

Selepas sesi tayangan rakaman tersebut, perbicaraan yang disambung dengan pemeriksaan balas oleh peguam bela, Zainal Abidin Mustaffa kemudiannya bertukar seperti sebuah 'kelas kamera video' apabila kebanyakan soalnya berkisar kepada aspek teknikal tentang rakaman tersebut.

Romzi memberitahu bahawa beliau pertama kali melihat rakaman

berkenaan pada hari kejadian iaitu selepas sahaja insiden berkenaan berlaku.

Kemudiannya kata beliau, rakaman itu dilihat sekali lagi dua hari kemudian iaitu pada 29 Julai 2006 di pejabatnya di Bukit Aman bersama seorang pegawainya, Asisten Supritendan Anbalangam.

Menurutnya, selepas itu pita video berkenaan ditulis tarikh dan namanya yang kemudian disimpan dalam laci berkunci di pejabatnya.

"Ta kemudian disimpan di situ sehinggalah diserahkan kepada Asisten Supritendan Bahrin Mohd. Noor, Pegawai Penyiasat Kanan kes ini di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Bharu pada 20 Ogos, 2006," katanya.

Semasa perbicaraan yang memasuki hari kesembilan bersambung di sebelah petang, Romzi turut memberikan jawapan yang sama apabila disoal Zainal Abidin mengenai tujuannya memfokuskan dalam rakaman itu mengenai dua buah kereta bernombor pendaftaran DS 666 dan DAN 11.

Sedangkan soal Zainal, mengapa

dalam rakaman itu tidak pula memfokuskan kepada kenderaan Pajero yang terletak bersebelahan dengan dua buah kereta tersebut.

Sebelum itu Romzi apabila ditanya Zainal memaklumkan bahawa beliau tidak tahu mengenai kereta yang disediakan untuk Dr. Mahathir ke hotel.

Perbicaraan didengar di hadapan Majistret Azman Mustapha bersambung pada 5 Ogos sehingga 9 Ogos ini.

UM-11/5/2007